

SULIT

**KURSUS PENGAJIAN AL-QURAN & AL-SUNNAH
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA**



**PEPERIKSAAN
KURSUS PENGAJIAN AL-HADITH**

MODUL 2

HADITH-HADITH MENGENAI PERKAHWINAN & KEKELUARGAAN

JANUARI 2019

MASA : 1 JAM

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

- 1. Calon tidak dibenarkan membawa masuk ke dalam dewan peperiksaan apa jua barang atau dokumen yang tidak dibenarkan.*
- 2. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** soalan dan setiap soalan mempunyai **25 markah**.*
- 3. Peserta dikehendaki menjawab **SATU (1)** soalan sahaja.*
- 4. Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi **3** halaman bercetak termasuk muka hadapan

**[Lihat Halaman Sebelah
SULIT**

Arahan : Sila Jawab SATU (1) Soalan Sahaja

1. Baca hadis berikut dan jawab semua soalan di bawahnya.

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِنَّ الْمَرْأَةَ تُنْكَحُ عَلَى دِينِهَا، وَمَالِهَا، وَجَمَالِهَا، فَعَلَيْكَ بِذَاتِ الدِّينِ، تَرِبْتُ يَدَاكَ»

Rasulullah saw bersabda: “Sesungguhnya perempuan itu dinikahi kerana agamanya, hartanya dan kecantikannya, maka hendaklah engkau memilih yang beragama, taribat yadaaka”

(Riwayat Tirmizi)

(a) Terangkan perkara-perkara berikut.

- (i) Adakah turutan pemilihan calon mengikut keutamaan agama, harta dan kecantikan adalah satu kewajiban atau pilihan.

(5 markah)

- (ii) Hadith ini ditujukan kepada pihak lelaki. Bagaimanakah ia boleh diaplikasikan untuk pihak wanita memilih lelaki.

(5 markah)

(b) Secara zahirnya hadith ini menunjukkan harus mengahwini wanita kerana hartanya dan ia bertentangan dengan keikhlasan. Jelaskan bagaimana mengkompromikan pertentangan ini.

(5 markah)

(c) Tahap keagamaan seseorang adalah suatu yang subjektif dan berubah-ubah. Bagaimanakah hadith ini dapat diaplikasikan dalam penentuan calon yang beragama. Huraikan?

(10 markah)

2. Baca hadis berikut dan jawab soalan yang diberikan.

عَنْ أَبِي بَكْرٍ بْنِ أَبِي الْجَهْمِ قَالَ: سَمِعْتُ فَاطِمَةَ بِنْتَ قَيْسٍ، تَقُولُ: إِنَّ زَوْجَهَا طَلَّقَهَا ثَلَاثًا، فَلَمْ يَجْعَلْ لَهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سُكْنَى، وَلَا نَفَقَةً، قَالَتْ: قَالَ لِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «إِذَا حَلَلْتِ فَادْنِينِي»، فَأَذْنْتُهُ، فَحَطَبَهَا مُعَاوِيَةَ، وَأَبُو جَهْمٍ، وَأُسَامَةُ بْنُ زَيْدٍ...

Daripada Abu Bakr b Abu Jahm, aku mendengar Fatimah binti Qais berkata: Sesungguhnya suaminya telah menceraikannya dengan talak tiga. (Setelah Fatimah mengadu kepada Rasulullah saw maka) Rasulullah saw tidak memberikan hak sukna dan nafaqah (kepadanya). Berkata Fatimah: Rasulullah saw berkata kepadaku: "Jika kamu telah tamat iddah maka beritahulah aku". Lalu aku memberitahunya (selepas iddah). Aku dipinangi oleh Muawiyah, Abu Jahm dan Usamah....

(a) Jelaskan butiran berikut:

(i) Apakah maksud iddah dalam hadith tersebut?

(5 markah)

(ii) Adakah perceraian suatu keaiban dalam Islam? Huraikan.

(5 markah)

(b) Sebutkan **tiga (3)** adab perkahwinan dalam Islam yang boleh difahami dalam hadith ini.

(5 markah)

(c) Huraikan kenapa Rasulullah SAW memilih Usamah untuk berkahwin dengan Fatimah binti Qais.

(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT